

28 AUG 1998

PRESIDEN CHINA UTUS TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Presiden China Jiang Zemin hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar bersempena Hari Kebangsaan ke-41 negara ini Isnin ini.

Menurut kenyataan Kedutaan China di sini, Jiang Zemin berkata rakyat China kagum dengan usaha gigih Malaysia untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan sejak 41 tahun lepas.

Beliau berkata pertukaran dan kerjasama dalam pelbagai bidang di antara Malaysia dan China akan diperluas dan diperkukuhkan.

Perdana Menteri China Zhu Rongji dalam perutusannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin bahawa Malaysia akan dapat mengatasi kegawatan ekonomi yang turut melanda negara-negara Asia Timur yang lain pada masa ini.

Menteri Luar China Tang Jiaxuan menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

NHD AKD